

Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan

Heritage Building Conservation Management at UNESCO Heritage Site in George Town, Penang: From Traders and Local Tourist Perspectives

Rosniza Aznie Che Rose*& Nur Athirah Khalid

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

*emel: aznie@ukm.edu.my

Received: 7 August 2017; Accepted: 6 October 2017; Published: 31 December 2017

Abstrak

Bandar George Town, Pulau Pinang adalah salah sebuah destinasi pelancongan bersejarah yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) oleh UNESCO pada Julai 2008. Namun begitu, terdapat bangunan warisan yang tidak dipulihara dengan baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO ini dari perspektif peniaga dan pelancong tempatan sama ada bangunan warisan ini dipulihara dengan baik atau sebaliknya. Seramai 80 orang responden dipilih secara bertujuan iaitu peniaga dan pelancong tempatan di kawasan kajian. Kaedah tinjauan dilakukan melalui instrumen borang soal selidik dan juga pemerhatian tidak turut serta iaitu pemerhatian daripada pengkaji terhadap proses pengurusan pemuliharaan bangunan warisan tanpa terlibat secara langsung dalam pengurusannya. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penilaian responden terhadap pengurusan pemuliharaan bangunan warisan adalah dalam keadaan yang baik walaupun terdapat isu kerosakan bangunan, penyelenggaraan, persekitaran, kebersihan dan keselamatan. Harapan mereka supaya bangunan warisan di George Town dipulihara dan dijaga dengan baik untuk tatapan generasi akan datang. Kajian ini adalah penting bagi mengetahui pengurusan bangunan warisan di lokasi kajian dari perspektif peniaga dan pelancong tempatan. Penilaian daripada kajian ini ini juga pasti dapat membantu pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan tapak warisan UNESCO bagi menangani isu dan masalah dari segi pengurusan bangunan.

Kata kunci bangunan warisan, pemuliharaan pengurusan, tapak warisan, UNESCO

Abstract

George Town, Penang is one of the historic tourist destinations that have been recognized as the World Heritage Site (WHS) by UNESCO in July 2008. However, there are heritage buildings that are not well conserved. Therefore, this study aimed to identify the conservation management of heritage buildings in this UNESCO site from the perspective of traders and local tourist whether the heritage buildings were well restored or vice versa. A total of 80 respondents were chosen by aiming the selected traders and local tourist in the study area. The survey method was conducted through a questionnaire and also unparticipate observation which is the observation from the researchers themselves without disturbing or participate in heritage management. Respondents' assessment of the conservation management of heritage buildings is in good shape despite the issue of damage to buildings, maintenance, environment, hygiene and safety. They are hoping to keep the heritage buildings in George Town conserved and maintained for future generations. This study is important to know the management of heritage buildings in the study area from the perspective of traders and tourists. Evaluation of these studies also can help identify the various parties, especially the UNESCO heritage site management to address issues and problems in terms of building management.

Keywords historical building, conservation management, heritage site, UNESCO

PENGENALAN

Bandaraya George Town merupakan salah satu bandar pelancongan warisan yang popular di Malaysia. Dengan pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia, ianya menaikkan lagi imej bandar warisan ini ke tahap yang lebih tinggi. Para pelancong dari dalam dan luar negara akan melawat ke Bandaraya George Town, Pulau Pinang bagi melihat sendiri tinggalan sejarah yang kaya dengan warisan dan nilai-nilai budayanya. Namun begitu, apabila dilihat dengan lebih dekat, bangunan warisan ini tidak dipulihara dengan baik. Hasil kajian inventori bangunan-bangunan warisan di Malaysia yang telah dilakukan oleh Muzium Negara pada tahun 1992, dianggarkan terdapat lebih kurang 35,000 buah bangunan sebelum perang yang berada di 265 buah bandar yang dikaji di seluruh negara wajar dipulihara (Syed Zainol, 1995). Pengurusan yang baik merupakan aspek penting dalam aktiviti pemuliharaan bangunan warisan ini supaya ianya dapat dipertontonkan kepada generasi seterusnya (Norasikin, 2005; Rosniza Aznie et al., 2011; Jamilah, 2013). Menurut Hamilton dan Wan Salleh (2001), bangunan memerlukan pengurusan yang sistematik dan penyelenggaraan berterusan. Oleh itu, matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO ini dari perspektif peniaga dan pelancong tempatan sama ada bangunan warisan ini dipulihara dengan baik atau sebaliknya.

KAJIAN LITERATUR

Kegiatan industri pelancongan berteraskan warisan semakin diminati masyarakat umum di seluruh dunia termasuk warga Malaysia. Menurut Mohamad Zaki et al. (2008), kebanyakan pusat tarikan pelancong iaitu bandar warisan telah diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia. Bangunan warisan adalah salah satu tarikan pelancongan yang memberi sumbangan kepada pendapatan negara. Hal ini disokong oleh Er (2013) yang menyatakan pelancongan berteraskan warisan telah ‘ditugaskan’ untuk menggerakkan sektor pelancongan agar lebih pesat membangun dalam sumbangannya kepada pendapatan negara. Penyelidikan mengenai bandar warisan di Malaysia terutamanya mengenai pengurusan bangunan warisan dari perspektif peniaga dan pelancong tempatan masih belum dijalankan oleh mana-mana penyelidik. Jika ada, fokusnya mungkin berlainan, contohnya fokus kepada pelancongan lestari, penglibatan komuniti dan sebagainya. Terdapat penyelidik yang membuat penyelidikan mengenai bandar warisan. Sebagai contoh, Er (2013), memberi fokus kepada pelancongan lestari di Melaka dari perspektif pelancong dan umum mengetahui Melaka merupakan bandaraya bersejarah di Malaysia.

Selain itu, Solihah et al. (2015) yang telah menjalankan kajian mengenai pengurusan bandar warisan UNESCO dan memberi fokus kepada penglibatan komuniti tempatan. Kajian beliau berkaitan dengan program tapak warisan UNESCO di Bandaraya George Town, Pulau Pinang iaitu meneliti bentuk, jenis dan tahap penglibatan komuniti. Hasil kajian menunjukkan majoriti komuniti berminat terhadap proses pemuliharaan tetapi tidak dilibatkan oleh pihak berkepentingan. Tambahan lagi, Siti Norzilaiha (2010) telah menulis mengenai pemuliharaan bangunan bersejarah khususnya berkaitan dengan amalan dan pendekatan di Malaysia. Selain itu, A. Ghafar (2009) turut menyatakan bangunan warisan di Malaysia sebahagian tidak dipulihara dengan baik dan kebanyakannya berada dalam keadaan yang buruk disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan. Oleh itu, pengurusan terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan ini seharusnya tidak dipandang enteng oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan yang terlibat dalam usaha memantapkan lagi pengurusan bangunan warisan sedia ada agar terpelihara. Kajian yang dijalankan oleh Syed Zainol Abidin (1995) dengan kerjasama Badan Warisan Malaysia mengenai inventori bangunan warisan di Malaysia memberi fokus kepada mengenalpasti identiti setiap bandar berdasarkan rupabentuk bangunan yang terdapat di bandar-bandar tersebut. Selain itu juga, Siti Nor Fatimah et al. (2011) dan Yazid et al. (2014) telah membincangkan mengenai masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Masalah ini memberi kesan terhadap prestasi dan keadaan bangunan, stabilisasi struktur dan cir-ciri bangunan. Namun, fokus utamanya adalah kepada aspek pemuliharaan bangunan tersebut.

METOD KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan data primer yang dikumpul berdasarkan kaedah pemerhatian tidak turut serta oleh pengkaji iaitu pemerhatian daripada pengkaji terhadap proses pengurusan pemuliharaan bangunan warisan tanpa terlibat secara langsung dalam pengurusannya dan juga penggunaan borang soal selidik. Pemerhatian tidak turut serta direkod berdasarkan foto lapangan, semakan indeks ukuran dan juga senarai

semak pengurusan warisan UNESCO. Borang soal selidik diedarkan kepada peniaga dan pelancong tempatan di sekitar kawasan lingkungan kajian iaitu di Jalan Penang, Lebuh Kimberley, Lebuh Acheh, Lebuh Pantai dan Lebuh Chulia. Seramai 80 orang responden dipilih dengan menggunakan persampelan secara bertujuan iaitu responden di kalangan peniaga dan pelancong tempatan di kawasan kajian. Responden dalam kalangan peniaga dan pelancong tempatan ini juga dipilih secara rawak mudah. Responden yang dipilih adalah 40 orang daripada kalangan peniaga dan 40 orang daripada kalangan pelancong tempatan. Menurut Sekaran (2003), saiz persampelan yang sesuai adalah di antara 31 hingga 500 orang sesuai untuk analisis deskriptif. Ini bermakna jumlah responden ini adalah memadai bagi tujuan analisis. Data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif yang melibatkan frekuensi dan peratusan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Peniaga dan Pelancong Tempatan

Latar belakang responden meliputi jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan. Seterusnya, terdapat dua bahagian pembolehubah berbeza untuk kedua-dua responden. Pembolehubah untuk peniaga merangkumi jenis perniagaan, kawasan bangunan berniaga, jenis produk yang diniagakan, berapa lama perniagaan dan juga jangka masa berniaga. Manakala pembolehubah untuk pelancong tempatan adalah tempat asal, kali pertama berkunjung, tempoh kunjungan, bersama siapa berkunjung, jenis pengangkutan yang digunakan dan juga sebab utama berkunjung ke Bandaraya George Town. Hasil analisis menunjukkan lebih ramai responden lelaki (52%) berbanding responden wanita (48%). Dari segi umur, kumpulan umur 15- 25 tahun (36%) mencatatkan peratusan yang tertinggi yang majoritinya adalah pelancong tempatan berbanding kumpulan umur 56 tahun ke atas (30%) yang rata-rata adalah peniaga. Majoriti responden juga adalah Melayu dan beragama Islam (64%). Bagi pendapatan pula pendapatan kurang daripada RM1000 (29%) mencatatkan nilai tertinggi. Hal ini kerana status pelajar daripada kalangan pelancong tempatan yang tiada pendapatan dan masih belajar.

Penilaian Terhadap Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan

Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan amat penting. Ianya perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, memulihara dan mengawal tapak warisan dunia supaya terus berada dalam keadaan yang baik. Oleh itu, terdapat beberapa aspek penilaian yang perlu dijawab oleh responden. Aspek yang dinilai adalah struktur bangunan, penyelenggaraan bangunan, pengurusan persekitaran, kebersihan dan keselamatan di sekitar bangunan warisan. Jadual 1 menunjukkan peratusan penilaian tersebut.

i. Penilaian Terhadap Struktur Bangunan

Aspek struktur bangunan yang dikaji adalah dari segi keadaan tingkap, bumbung dan pintu sama ada dalam keadaan yang baik atau tidak. Majoriti responden bersetuju semuanya berada dalam keadaan yang baik. Dapatkan kajian mencatatkan bacaan sebanyak 85 peratus dan hanya satu peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan keadaan tingkap dalam keadaan yang baik. Bumbung pula, sebanyak 80 peratus responden bersetuju bahawa bumbung bangunan warisan berada pada keadaan yang baik. Pintu bangunan warisan kebanyakannya adalah dalam keadaan yang baik. Hal ini dibuktikan apabila 90 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Namun begitu, majoriti responden juga bersetuju bahawa struktur bangunan terdapat kekotoran, rekahan dan pelunturan warna. 41 peratus responden bersetuju dengan pernyataan terdapat tumbuhan pada dinding bangunan. Responden juga bersetuju dengan pernyataan bahawa terdapat kotoran, rekahan dan pelunturan warna pada bangunan warisan iaitu masing-masing mencatatkan 70 peratus, 66 peratus dan 79 peratus. Memandangkan responden peniaga hanya penyewa bangunan tersebut, mereka tidak mahu membazirkan duit untuk mengecat atau melakukan penambahbaikan terhadap bangunan itu kecuali jika perkara tersebut menjelaskan perniagaan mereka. Selain itu, kebanyakan fasad bangunan juga dijaga dengan baik berdasarkan kepada majoriti responden yang bersetuju iaitu sebanyak 85 peratus. Namun begitu, ada sebahagian responden yang menyatakan fasad bangunan terjejas dengan pelbagai jenis papan tanda walaupun mereka bersetuju bangunan warisan masih dikekalkan dalam bentuk asal. Malah,

bangunan warisan yang tidak berpenghuni dikatakan masih kukuh iaitu sebanyak 69 peratus. Walaupun kukuh, bangunan tersebut kelihatan usang kerana tidak dijaga dengan baik. Pemilik bangunan seharusnya memantau keadaan bangunan masing-masing agar sentiasa dalam keadaan baik.

ii. Penilaian Terhadap Penyelenggaraan

Hasil dapatan dari aspek penyelenggaraan, menunjukkan pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak menjalankan penyelenggaraan kepada bangunan warisan. Penyelenggaraan bangunan warisan ini adalah tertakluk kepada pemilik bangunan warisan itu sendiri. Sebanyak 47 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan bangunan warisan dicat dengan warna sebenar. Para peniaga menjelaskan bahawa mereka tidak mengecat bangunan tersebut memandangkan mereka bukan pemilik bangunan. Lagi pula, sejak peniaga menyewa bangunan tersebut memang sudah dicat sebegini. Walaupun ada yang ingin mengecat bagi meningkatkan nilai estetik bangunan warisan, mereka melakukannya sendiri menggunakan cat yang dibeli sendiri tanpa perlu meminta kebenaran pihak MBPP. Menurut Azira et al. (2012) mengenai kajian skima warna asal bangunan warisan di Malaysia, pemuliharaan warna asal bangunan bersejarah adalah sangat penting kerana ia membuktikan sejarah bangunan yang sebenar. Kaedah pemuliharaan yang dilakukan bagi mengetahui warna cat asal adalah dengan mengikis lapisan cat, membuat skima (kod) lapisan warna dan membuat analisis kesepadan dibuat dan seterusnya bangunan akan dicat dengan skima warna yang dipilih. Namun begitu, selepas kawasan ini diwartakan pada 1 September 2016, sebarang penambahbaikan dan penyelenggaraan haruslah meminta kebenaran oleh pihak MBPP. Segala kehendak dan peraturan penyelenggaraan bangunan warisan harus diikuti. Sebanyak 52 peratus responden bersetuju dan empat peratus responden sangat bersetuju terhadap pernyataan bahawa pihak MBPP ada menjalankan pemantauan di sekitar kawasan bangunan secara berkala. Bagi yang bersetuju mengatakan pihak MBPP ada membuat pemantauan, mereka mengatakan pihak MBPP terutamanya pegawai kesihatan kerap datang ke premis perniagaan mereka untuk memantau tahap kebersihan, namun bukan untuk melihat keadaan bangunan. Seterusnya, sebanyak 57 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan bangunan warisan yang kosong dan tidak berpenghuni diuruskan dengan baik. Hal ini demikian kerana bangunan warisan tersebut berada dalam keadaan yang usang dan tiada penjagaan yang sempurna.

iii. Penilaian Terhadap Pengurusan Persekutaran Bangunan Warisan

Bagi aspek pengurusan persekitaran, hal ini perlu dititikberatkan kerana kawasan tersebut berada dalam tapak warisan dunia. Penilaian terhadap kawasan ini memberi pandangan sama ada negatif atau positif kepada pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan tapak warisan UNESCO ini. Majoriti responden bersetuju bahawa persekitaran yang baik mempengaruhi mereka untuk mengunjungi tapak warisan ini iaitu sebanyak 86 peratus. Selain itu, alam sekitar yang baik dan landskap lembut yang menambah nilai estetik kawasan tersebut mencatatkan masing-masing 76 peratus dan 73 peratus responden yang bersetuju. Kebanyakan responden berasa selesa di sekitar kawasan warisan yang tenang tanpa bunyi bising. Ia tidak begitu mengganggu aktiviti mereka. Hal ini dibuktikan apabila 55 peratus responden bersetuju. Bagi masalah bau, sebanyak 48 peratus responden bersetuju dan tujuh peratus responden sangat bersetuju bahawa tiada bau yang tidak menyenangkan di sekitar tapak warisan UNESCO. Namun, ada responden menyatakan terdapat bau yang tidak menyenangkan di sekitar kawasan tapak UNESCO tersebut yang mungkin disebabkan oleh lokasi pasar yang berdekatan.

iv. Penilaian Terhadap Pengurusan Kebersihan

Kebersihan merupakan elemen penting dalam sesuatu kawasan pelancongan. Aspek kebersihan pula menunjukkan majoriti responden berpuas hati dengan tahap kebersihan di kawasan tapak UNESCO. Sebanyak 66 peratus responden bersetuju bahawa tong sampah disediakan di sekitar kawasan warisan. Namun begitu, kuantiti yang agak sedikit membuatkan ada responden yang tidak bersetuju bahawa pihak MBPP ada menyediakan kemudahan tong sampah. Majoriti responden juga menyatakan longkang juga berfungsi dengan baik iaitu sebanyak 67 peratus yang bersetuju. Sebanyak 76 peratus responden pula bersetuju kaki lima di hadapan bangunan warisan bersih dan dijaga dengan baik. Mereka juga bersetuju penjaja membuang sisa makanan di tempat yang sepatutnya. Hal ini dibuktikan apabila 74 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Seterusnya, sebanyak 74 peratus responden bersetuju kompaun dikenakan kepada sesiapa yang membuang sampah merata-rata. Namun, ada juga responden yang tidak bersetuju. Hal ini lebih kepada sikap individu itu sendiri untuk membuang sampah di tempat yang betul.

v. Penilaian Terhadap Pengurusan Keselamatan

Aspek keselamatan juga merupakan elemen penting bagi menentukan kawasan pelancongan bandar warisan ini supaya terus dikunjungi oleh para pelancong dan didiami oleh masyarakat. Majoriti responden bersetuju bahawa tahap keselamatan di tapak warisan George Town adalah baik. Ruang pesiar kaki disediakan dengan baik iaitu sebanyak 86 peratus responden bersetuju manakala 74 peratus responden bersetuju lampu jalan turut disediakan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna. Namun, ada juga yang menyatakan terdapat kawasan yang lampu jalannya rosak dan lambat dibaiki. Sebanyak 60 peratus responden bersetuju bahawa pihak keselamatan juga turut membuat rondaan di sekitar tapak warisan. Responden juga turut menyatakan tiada haiwan liar seperti anjing dan kucing jalanan. Hal ini didapati apabila sebanyak 68 peratus responden bersetuju pernyataan tersebut. Selain itu, majoriti responden bersetuju bahawa bangunan warisan berada dalam keadaan yang baik dan kukuh dan selamat untuk dikunjungi. Hal ini demikian kerana kebanyakan bangunan warisan di kawasan tapak warisan UNESCO masih tersergam kukuh walaupun terdapat beberapa kerosakan kecil. Responden terutamanya pelancong tempatan tidak perlu risau akan keselamatan mereka. Selain itu juga, majoriti responden iaitu sebanyak 90 peratus juga berpendapat bangunan warisan telah dipulihara dengan baik. Mereka menyatakan ciri-ciri sejarah masih dikenalkan dan bangunan warisan dalam keadaan yang baik. Malah tidak ada pengubahsuaian yang ketara dilakukan dan ianya dijaga dalam bentuk yang asal.

Jadual 1 Penilaian terhadap pengurusan pemuliharaan bangunan warisan

| (i) Penilaian Terhadap Struktur Bangunan | | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|--|---|---------------------|--------------|--------|---------------|
| 1. | Tingkap kayu/ cermin bangunan warisan berada dalam keadaan yang baik. | 0% | 14% | 85% | 1% |
| 2. | Bumbung bangunan warisan berada dalam keadaan yang baik. | 0% | 14% | 80% | 6% |
| 3. | Pintu pada bangunan warisan berada dalam keadaan yang baik. | 0% | 5% | 90% | 5% |
| 4. | Terdapat tumbuhan pada dinding bangunan warisan. | 1% | 55% | 41% | 3% |
| 5. | Terdapat kotoran pada dinding bangunan warisan. | 0% | 23% | 70% | 7% |
| 6. | Terdapat rekahan pada dinding bangunan warisan. | 0% | 29% | 66% | 5% |
| 7. | Terdapat pelunturan warna pada dinding bangunan warisan. | 1% | 15% | 79% | 5% |
| 8. | Struktur bangunan warisan mempunyai kerosakan tetapi masih boleh digunakan. | 10% | 35% | 49% | 6% |
| 9. | Kebanyakan fasad (muka depan bangunan) bangunan dipulihara dengan baik. | 0% | 8% | 85% | 7% |
| 10. | Fasad bangunan tidak terjejas dengan pelbagai jenis papan tanda. | 1% | 34% | 59% | 6% |
| 11. | Bangunan warisan masih dikenalkan dengan bentuk asal (Early Shophouses style/ Early Transitional style/ Eclectic /Neo Classical/Art Deco/ Early Modern Style) | 1% | 4% | 86% | 9% |
| 12. | Kebanyakan bentuk bangunan warisan telah diubah daripada bentuk asalnya. | 0% | 66% | 25% | 9% |
| 13. | Bangunan warisan yang kosong/ tidak berpenghuni masih kukuh. | 0% | 26% | 69% | 5% |
| (ii) Penilaian Terhadap Penyelenggaraan | | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
| 1. | Bangunan warisan dicat semula dengan warna sebenar. | 3% | 47% | 46% | 4% |
| 2. | Pihak MBPP ada menjalankan pemantauan di sekitar kawasan bangunan warisan secara berkala | 3% | 41% | 52% | 4% |
| 3. | Bangunan warisan yang kosong/ tidak berpenghuni diuruskan dengan baik. | 1% | 57% | 38% | 4% |
| (iii) Penilaian Terhadap Pengurusan Persekutaran Bangunan Warisan | | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
| 1. | Persekutaran yang baik mempengaruhi saya untuk melawat bangunan bersejarah di sekitar tapak warisan UNESCO. | 0% | 1% | 86% | 13% |
| 2. | Alam sekitar di kawasan tapak warisan UNESCO dipelihara dengan baik. | 0% | 9% | 76% | 15% |
| 3. | Landscape lembut turut memainkan peranan di kawasan tapak warisan. | 0% | 6% | 73% | 21% |

| | | | | |
|---|----|-----|-----|----|
| 4. Keadaan sekitar tenang dan nyaman tanpa bunyi bising. | 5% | 36% | 55% | 4% |
| 5. Tiada bau yang tidak menyenangkan di sekitar kawasan tapak warisan UNESCO. | 5% | 40% | 48% | 7% |

| (iv) Penilaian Terhadap Kebersihan | | Sangat Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|---|----|---------------|--------------|--------|---------------|
| 1. Tong sampah ada disediakan untuk para pengunjung di sekitar kawasan tapak UNESCO. | 0% | 30% | 66% | 4% | |
| 2. Longkang di sekitar tapak warisan berfungsi dengan baik. | 4% | 24% | 67% | 5% | |
| 3. Kaki lima di hadapan bangunan warisan bersih dan dijaga dengan baik. | 3% | 12% | 76% | 9% | |
| 4. Penaja membuang sisa makanan di tempat yang disediakan. | 2% | 19% | 74% | 5% | |
| 5. Kompaun dikenakan kepada sesiapa yang membuang sampah merata-rata. | 1% | 15% | 74% | 10% | |
| (v) Penilaian Terhadap Keselamatan | | Sangat Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
| 1. Ruang untuk pesiari kaki disediakan dengan baik. | 1% | 9% | 84% | 6% | |
| 2. Lampu jalan disediakan di kawasan bangunan warisan. | 2% | 8% | 74% | 16% | |
| 3. Lorong untuk penunggang basikal disediakan dengan baik. | 2% | 48% | 43% | 7% | |
| 4. Pihak keselamatan ada menjalankan rondaan di sekitar kawasan tapak warisan secara berkala. | 2% | 15% | 60% | 23% | |
| 5. Tiada haiwan liar seperti anjing berada di kawasan tapak warisan UNESCO. | 5% | 20% | 68% | 7% | |
| 6. Bangunan warisan berada dalam keadaan yang baik dan kukuh. | 0% | 10% | 80% | 10% | |

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penilaian pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO George Town, dapat disimpulkan bahawa penilaian pengurusan pemuliharaan oleh peniaga dan pelancong adalah baik dan mereka berpuas hati. Hasil daripada kajian ini dapat merungkai keberkesanan pengurusan pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan, iaitu adakah pihak berkuasa menjalankan peranan mereka dalam memulihara bangunan warisan. Namun ada juga segelintir yang kurang berpuas hati dengan isu kerosakan bangunan, penyelenggaraan, persekitaran, kebersihan dan keselamatan. Pihak berkepentingan seperti MBPP, GTWHI dan agensi-agensi lain yang terlibat perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan bangunan warisan di tapak UNESCO ini dipulihara dan dijaga dengan baik. Dengan adanya sistem pengurusan yang baik, segala perancangan, pengurusan dan kawalan yang dilakukan dapat menjadi penanda aras dan rujukan bagi pengurusan pemuliharaan oleh pihak berkuasa di tempat lain.

RUJUKAN

- A. Ghafar Ahmad. (2009). *Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings*. Bengkel Bersiri 2009, Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Lepaan Kapur, 17-19hb. Julai 2009, Perak. Dewan Pusat Pelancongan Negeri Perak, Ipoh.
- Azira Ibrahim, Siti Norlizaiha Harun & Mohd Zaki Shamsudin. (2015). Skima warna asal bangunan warisan di Malaysia. *Conference Proceedings ICITSBE 2012*, Universiti Teknologi MARA. Perak.
- Er Ah Choy. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (3), 12-23.
- Hamilton, B., & Wan Salleh, M. (2001). *Maintenance of building important*. Diperoleh daripada <http://www.hba.org.my/news/2001/601/maintenance.htm>
- Jamilah Mohamad. (2013). In the footsteps of Ibn Battuta: Consumption and identitymaking. *Geografi*, 1(1), 48-59. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=51c30b83-88b8-4e46-a692-1de41a4453b0.pdf>
- Mohamad Zaki, A. Johan Afendi, I. & Hood, M.S. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai dentinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari. *Prosiding PERKEM*, III Jilid 1, 401-413.
- Norasikin Hj. Hassan. (2005). *Faktor penyumbang dalam pembentukan dan konservasi identiti Jalan Kota, Bandar Warisan*. (Tesis Sarjana). Tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.

- Rosniza Aznie Hj. Che Rose, Asmah Ahmad, Abdul Rahim Md Nor, Rosmiza Mohd Zainol. (2011). Kepentingan akta kawalan sewa kepada penduduk di Lebuh Acheh-Lebuh Armenian. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 7: 169-179.
- Sekaran.U. (2003). Research methods for business. United Kingdom: John Wiley& Sons Ltd.
- Siti Nor Fatimah, Z. Zainal Abidin, A. & Mohammad Ashraf, A.R. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan*.
- Siti Norlizaiha, H. (2010). *Pemuliharaan bangunan bersejarah*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Solihah, M., Mazdi, M., Ruzanna Syamimi, R., Jabil, M., Mohammad Kadir, Z. A. & Mohamad Pirdaus, Y. (2015). Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 87-99.
- Syed Zainol Abidin. (1995). *Pemeliharaan warisan rupa bandar: Panduan mengenali warisan rupa bandar berdasarkan inventori bangunan warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.
- Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan, Mohamad Suhail Yusri Che Ngah. (2014). Transformation of small towns in the Southern Perak Region: Some finding in Tanjong Malim. *Geografi*, 2(1), 111-119. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=57af283c-0340-4f18-9bf6-cba30ab9fdd8.pdf>